

04 AUG 2003

Putin-Tiba/I

PUTIN TIBA UNTUK LAWATAN SULUNG KE MALAYSIA

SEPANG, 4 Ogos (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin tiba di sini, hari ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Malaysia, iaitu lawatan terulung seorang pemimpin tertinggi Rusia ke negara ini.

Pesawat yang membawa Putin mendarat pada pukul 5.10 petang di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA). Beliau disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob, selaku menteri pengiring.

Sebelum ini timbul desas-desus bahawa Putin mungkin menunda sekali lagi lawatannya ke Malaysia ekoran serangan bom di sebuah hospital tentera di bandar Mozdok berhampiran wilayah Chechnya pada Jumaat lepas yang menyebabkan sekurang-kurangnya 50 orang terbunuh.

Putin sepatutnya melakukan lawatan rasmi ke negara ini pada 8 Julai lepas tetapi lawatan itu terpaksa ditunda selepas 20 orang terbunuh akibat tindakan nekad seorang pengebom berani mati di satu konsert rock di Moscow.

Putin berada di sini atas jemputan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan lawatan itu adalah sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Russia pada Mac tahun lepas.

Pemimpin Rusia itu akan diberi sambutan permaidaini merah di Dataran Parlimen di Kuala Lumpur esok sebelum menghadiri pelancaran Majlis Perniagaan Malaysia-Rusia.

Putin dan Dr Mahathir dijadual mengadakan perbincangan di Putrajaya mengenai isu-isu dua hala dan antarabangsa.

Perdagangan dua hala bernilai RM1.34 bilion pada tahun lepas dan memihak kepada Rusia.

Kuala Lumpur dan Rusia dijangka menandatangani tiga perjanjian mengenai kerjasama dalam komunikasi, pertahanan dan juga dalam sains dan teknologi.

Putin juga akan menghadiri majlis makan malam negara yang dianjurkan oleh Tuanku Syed Sirajuddin di Istana Negara.

-- BERNAMA

MAM PR